



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENOLONG PENERBIT TINGKAT I (D.3-4 EB.5-6)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PENERBIT TINGKAT I
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Linguistik / *Media and Culture / Media and Journalism / Media Production / Multimedia / Pengajian Brunei / Penyiaran / Professional Communication and Media / Public Affairs / Sejarah / Sastera / Seni Kreatif / Television Production / TV and Film Production / Usuluddin* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam lain-lain bidang dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Bagi pengisian kekosongan jawatan di Bahagian Rancangan Radio, para pemohon adalah dimestikan lulus ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;



2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan lain-lain bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan;
4. Mempunyai suara yang sesuai sebagai pengacara di radio adalah kelebihan;
5. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
6. Mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran;
7. Mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman adalah kelebihan;
8. Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan;
9. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam hal ehwal penerbitan adalah kelebihan;
10. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar adalah kelebihan;
11. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan termasuk dalam suasana tegang adalah kelebihan;
12. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja;
13. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam; dan
14. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Tingkat I / Penerbit Tingkat II yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan yang telahpun dirancangkan sepanjang tahun tersebut;



2. Membuat skrip bagi rancangan-rancangan yang akan diterbitkan seperti yang diarahkan oleh Ketua Penerbit yang berkenaan;
3. Selaku penghubung bagi pihak Ketua Penerbit termasuk dalam membantu untuk menempah kemudahan teknikal dan set dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan hal ehwal penerbitan;
4. Bekerjasama dengan para penerbit dalam menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen / radio di studio, siaran luar dan lokasi rakaman luar;
5. Jika ditempatkan di Bahagian Rancangan Radio, Penolong Penerbit Tingkat I akan ditugaskan selaku penyampai rancangan dan menjalankan tugas-tugas *continuity* termasuk menerbitkan rancangan;
6. Berkebolehan dalam pengendalian Sistem *Winmedia* dan kerja-kerja penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *Vegas*; dan
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.